

Title	Newspaper	Day	Date
RHB Islamic, IAP Integrated jalin kerjasama	Utusan Malaysia	Tuesday	08 Aug 2017

RHB Islamic, IAP Integrated jalin kerjasama

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**
 ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 7 Ogos - RHB Islamic Bank Bhd. (RHB Islamic) menandatangani perjanjian penajaan bank dengan IAP Integrated Sdn. Bhd. (IAP Integrated) yang merupakan pemilik dan pengendali platform akaun pelaburan (IAP).

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif RHB Islamic, Datuk Adissadikin Ali (**gambar**) berkata, perjanjian berkenaan menyaksikan RHB Islamic menjadi bank penaja bukan pemegang saham pertama di bawah IAP.

Katanya, IAP merupakan satu inisiatif industri pengawal seliaan bersama yang dipelopori oleh konsortium terdiri daripada enam bank Islam yang ditubuhkan dan disokong oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Beliau berkata, IAP akan memudahkan pengantaraan yang efisien oleh bank penajaan untuk memenuhi keperluan pembiayaan

dengan pelaburan daripada pelabur runcit dan institusi melalui akaun pelaburan.

"RHB Islamic berbesar hati menjadi sebahagian daripada inisiatif strategik industri kewangan Islam untuk mengendalikan akaun pelaburan.

"Perkongsian ini akan memberi faedah ketara kepada platform IAP serta para pemegang saham kami," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Adissadikin, jika perancangan perkembangan produk berjalan seperti yang dirancang tahun ini, RHB Islamic bersedia untuk menawarkan perniagaan akaun pelaburan kepada pelanggan bermula tahun hadapan.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif IAP Integrated, Mohamed Izam Mohamed Yusof berkata, lebih banyak penyenaian kerjasama atau projek yang meli-



batkan IAP akan berada di pasaran menjelang 2018 hasil daripada kerjasama dengan RHB Islamic,

Katanya, sebanyak tiga usaha IAP tersenarai pada tahun lalu antaranya Perak Transit Bhd., Koperasi Kakitangan Kumpulan BIMB Holdings Bhd.

dan ICT Zone Ventures Bhd. dengan jumlah dana bernilai RM20 juta.

"Bagi tahun ini, sebanyak dua penyenaian telah dilakukan iaitu oleh dana Akaun Pelaburan Tidak Terikat Khusus bernilai RM60 juta dan CMC Group yang berjaya meraih RM12 juta pada awal Julai lalu," katanya.

Beliau berkata, IAP dijangka terus berkembang dalam beberapa tahun akan datang dengan lebih banyak penyenaian aset, kemasukan bank penajaan baharu serta urusan niaga dalam mata wang asing.